

## Bahasa Melayu dan Dialek Daerahnya

AMAT JUHARI MOAIN

### ABSTRAK

*Makalah ini membicarakan dialek-dialek daerah bahasa Melayu iaitu tentang kelainan-kelainan bahasa Melayu dari segi daerah asal penuturnya. Bahasa Melayu adalah turunan daripada keluarga besar bahasa Austronesia dan kemudiannya ia berpecah kepada empat keluarga bahasa dan salah satunya ialah Melayu-Polinesia. Setelah mengalami beberapa pencabangan dan pemecahan maka akhirnya sampai kepada bahasa Melayu. Bahasa ini juga mengalami perkembangan-perkembangan selanjutnya iaitu bahasa Melayu purba, Melayu kuno, Melayu klasik, bahasa Melayu zaman peralihan dan akhir sekali bahasa Melayu moden. Dalam proses perkembangan tadi bahasa Melayu berpecah dan terpancar, ke beberapa tempat dan jurusan. Setiap satu mengalami sejarahnya yang sendiri-sendiri dan membentuk jati dirinya masing-masing. Ia berubah sama ada melalui perubahan dalaman atau kerana pengaruh luaran. Akhirnya ia berbeza sedikit sebanyak dari segi fonetik dan fonologi, morfem dan morfologi, sintaksis, kosa kata, semantik dan ungkapan-ungkapan. Segi-segi di atas inilah yang membezakan antara satu dialek Melayu dengan satu dialek yang lain.*

### ABSTRACT

*This paper discusses the regional Malay dialects i.e. the differences between dialects spoken by the Malays from different areas or regions of the Malay World. Malay language descended from the Austronesian language family which later splits into four language subfamilies, and the Malayo-Polynesian is one of them. After that it splits again and again and branches into many other languages. One of them is the Malay language. This Malay language does not stay static. It develops and changes from time to time, starting from the archaic Malay, then the old Malay, later the classical Malay, after that the transitional Malay and finally the modern Malay. In the process of expansion for many centuries the Malay language starts to split and disperse into different places and directions. Each one develops its own history and formulates its own identity. It changes either through the internal forces or from external influences and forces or both of them. Finally each differs from the others in one form or another in terms of language characteristics and features such as phonology, morphology,*

*syntax, vocabularies, semantics and idiomatic expressions. The differences among the Malay dialects are based on the features mentioned above.*

## PENDAHULUAN

Bahasa Melayu adalah bahasa bagi bangsa atau etnik Melayu (iaitu cabang daripada keluarga besar rumpun Melayu atau Malay Stock) yang dipusakai secara turun termurun dari sejak zaman purba hingga sekarang. Dialek daerah Melayu pula merupakan kepelbagaian ragam bahasa Melayu menurut kawasan atau daerahnya. Kemudian antara pelbagai ragam bahasa tadi terdapat sifat yang saling memahami. Bahasa Melayu dan dialeknya mempunyai penutur asli yang jumlahnya tidak lebih daripada 40,000,000 orang. Namun ia menjadi bahasa rasmi utama bagi lebih daripada 200,000,000 orang kerana ia menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di empat buah negara di Asia Tenggara ini, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Di luar dari daerah ini masih ada lagi penutur bahasa Melayu seperti di Thailand selatan dan tengah, Kamboja, Vietnam, Myanmar. Sri Lanka, Filipina selatan dan lain-lain.

## ASAL-USUL BAHASA MELAYU

Mengikut kebanyakan para pengkaji asal-usul bahasa, bahasa Melayu berasal daripada rumpun bahasa Austronesia. Bahasa Austronesia ini terpecah kepada empat cabang utama iaitu Melayu-Polinesia, *Atayalic*, *Tsouic* dan *Paiwanic* (Bahasa Paiwan masih terdapat di Taiwan). Bahasa Melayu-Polinesia terbahagi kepada dua cabang yang besar iaitu Bahagian Barat (Western atau Nusantara atau Hesperonesia) dan Bahagian Tengah-Timur (Central-Eastern). Bahagian Barat (Hesperonesia atau Nusantara) terbahagi kepada tiga. Salah satunya ialah *Javo-Sumatra Hesion*. Keluarga bahasa *Javo-Sumatra Hesion* melahirkan tiga kelompok bahasa lagi iaitu Jawa, Sunda dan *Malayic Hesion*. *Malayic Hesion* pula melahirkan subkeluarga Melayu atau *Malayan Subfamily*. Dari sinilah timbulnya bahasa Melayu purba, kemudian Melayu kuno dan seterusnya yang lain-lain. Daripada susur-galur di atas jelas menunjukkan bahawa rumpun bahasa Austronesia dan kemudian Melayu-Polinesia telah beranak pinak, bercucu cicit, berpiat-piut sehingga sampailah kepada bahasa Melayu hari ini. Bahasa Melayu itu sendiri telah mengalami perubahan-perubahan dari semasa ke semasa. Ia dimulai daripada bahasa Melayu purba iaitu bahasa Melayu yang wujud pada zaman prasejarah. Kita tidak dapat mengetahui keadaan yang sebenar bahasa Melayu pada zaman purba ini kerana tidak ada rekod sejarahnya. Salah satu daripada cara untuk mengetahuinya ialah dengan

membuat rekonstruksi terhadap bahasa Melayu itu sendiri berdasarkan dialek-dialek Melayu yang ada. Contohnya ialah perkataan *kajus*, *jagus*, *janggus* (dialek Kedah), *gajus* (dialek Johor), dan *jagus* (dialek Brunai) (nama bagi sejenis pokok yang nama saintifiknya *Anacardium occidentale*). Keempat-empat perkataan tadi hampir sama bunyi sebutannya. Ini bermaksud keempat-empat perkataan ini berasal daripada perkataan yang sama pada zaman bahasa Melayu purba. Namun ia tidak mungkin berasal dari kata *kajus* (menggunakan fonem /k/) lantaran tiga dialek yang lain menggunakan fonem /g/ dan tidak /k/. Perkataan itu juga tidak mungkin berasal dari kata *janggus* kerana tiga dialek yang lain tidak mempunyai fonem sengau ( \* ). Dengan itu kita boleh membuat agakan atau andaian bahawa pada zaman purba perkataan yang digunakan ialah sama ada *jagus* atau *gajus*. Hanya salah satu antara kedua-duanya telah menerima proses metatesis. Untuk menentukan manakah satu kata yang asal, maka perlu dibuat penelitian yang mendalam dan lebih lanjut lagi.

Selepas zaman prasejarah, baru timbul zaman sejarah iaitu zaman bahasa Melayu menerima budaya tulisan yang merekodkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada satu-satu masa. Zaman ini dimulai oleh zaman bahasa Melayu kuno, kemudian diikuti Melayu klasik, selepas itu zaman bahasa Melayu peralihan dan akhir sekali bahasa Melayu moden.

Bahasa Melayu kuno ini hanya dapat dikesan melalui pahatan atau larikan/lorekan pada batu bersurat atau prasasti. Ia menggunakan tulisan yang berasal dari India seperti Pallava dan Kawi. Dalam tulisan-tulisan itu terdapat banyak perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit, dan tidak ada perkataan Arab. Zaman Bahasa Melayu kuno ini berakhir kira-kira pada abad ketiga belas Masihi.

Bahasa Melayu klasik bermula pada kira-kira awal abad keempat belas dan berakhir pada abad kelapan belas. Dari segi temuan sejarah bahasa ini bermula pada tulisan yang terpahat pada batu bersurat (prasasti) Terengganu yang bertarikh pada 702 Hijrah atau 1303 Masihi. Tulisan yang digunakan ialah tulisan Arab berbahasa Melayu atau tegasnya tulisan Jawi. Kemudian terdapat pula pada batu bersurat (prasasti) Minye Tujuh, Aceh yang menggunakan tulisan Arab Melayu (Jawi) dan juga tulisan India. Prasasti ini bertarikh 1380 M. Selepas itu terdapat prasasti Pangkalan Kempas, Negeri Sembilan yang bertarikh 802 H. atau 1467 M. Pada prasasti ini masih ada lagi tulisan daripada pengaruh India. Kemudian selepas itu terdapat tulisan-tulisan lain sama ada pada prasasti atau manuskrip-manuskrip. Jumlahnya cukup banyak. Kebanyakan tulisan yang digunakan untuk bahan-bahan dalam bahasa Melayu klasik ialah tulisan Melayu huruf Arab atau Jawi. Namun, ada juga tulisan-tulisan lain yang digunakan seperti tulisan India, tulisan Jawa (terdapat lima naskhah), tulisan recong (di Sumatera), dan juga tulisan rumi. Yang akhir ini ditulis oleh orang-orang Barat sama ada oleh

pegawai-pegawai penjajah Barat, penyebar-penyebar agama Kristian, pengembara atau pengkaji-pengkaji bahasa Melayu. Hasil karya dalam bahasa Melayu klasik cukup kaya dan jumlahnya pun banyak. Zaman puncaknya berlaku pada kira-kira T.M. 1750.

Selepas zaman bahasa Melayu klasik dan sebelum lahir bahasa Melayu moden timbul bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri campuran antara Melayu klasik dan Melayu moden. Zaman inilah yang dikenali sebagai zaman bahasa Melayu peralihan. Tenggang masanya tidak lama, kerana ia bertukar dengan cepat menjadi bahasa Melayu moden iaitu hasil daripada pertembungan dengan budaya moden yang membawa masuk bersama-sama ilmu-ilmu moden, fikiran moden dan sains serta teknologi moden. Bahasa Melayu moden pula muncul pada kira-kira awal abad kedua puluh sehingga sekarang. Ia berbeza secara kontras dengan bahasa Melayu klasik, apa lagi bahasa Melayu kuno.

#### DAERAH BAHASA MELAYU

Daerah bahasa Melayu terbahagi kepada dua iaitu daerah induk bahasa Melayu dan daerah di luar dari daerah induk bahasa Melayu (Amat Juhari Moain, 1992). Daerah induk bahasa Melayu terbahagi kepada tiga daerah yang utama. Pertama Semenanjung Tanah Melayu iaitu Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada 12 unit pentadbiran: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan; Republik Singapura dan Thailand selatan yang mengandungi empat buah negeri dari bekas kerajaan Melayu iaitu Pattani, Yala, Saiburi dan Rengik. Kedua Sumatera Timur iaitu dari Temiang di Aceh Timur hingga ke selatan sampai ke Palembang dan Bengkulu. Dengan itu daerah-daerah berikut termasuk ke dalam daerah bahasa Melayu iaitu Deli, Serdang, Kampar, Langkat, Panai, Siak, Riau Daratan, Riau Lautan, Jambi, Inderagiri, Palembang, Bangka, Belitung dan Bengkulu. Ketiga Kalimantan iaitu di kawasan pesisir pantai Kalimantan termasuk Brunei Darussalam, pantai Sarawak, pantai barat Sabah, Berau, Bukit, Banjar, Pontianak, Sambas, Kota Waringin dan beberapa daerah lain.

Daerah-daerah bahasa Melayu yang di luar daerah induk bahasa Melayu ialah Jakarta, Nagara di Bali, Makassar, Larantuka, Ambon, Manado, Bacan, Kupang, Banda, Irian Jaya, Filipina selatan, Mynmar Selatan, Kamboja, Vietnam, Thailand Tengah, Sri Lanka, dan di beberapa daerah lain.

#### DIALEK-DIALEK DAERAH MELAYU

Dialek-dialek daerah Melayu jumlahnya sangat banyak. Dialek-dialek ini berbeza antara satu dengan lain. Bahkan dalam satu-satu dialek terdapat

subdialek-subdialek. dan pada subdialek wujud pula subsubdialek lagi. Sebagai contoh ialah Bahasa Melayu Riau, di Indonesia. Bahasa ini merupakan satu jenis dialek Melayu. Namun ia mempunyai dua jenis subdialek yang besar iaitu subdialek Melayu Riau Kepulauan dan Subdialek Melayu Riau Daratan. Subdialek Melayu Riau Kepulauan mengandungi 18 subsubdialek iaitu:

- a. Penyengat
- b. Tanjung Pinang atau Tanjung Uban
- c. Daik Lingga
- d. Terempa
- e. Tembilahan
- f. Tanjung Balai Kerimun
- g. Tanjung Batu Kundur
- h. Siak Sri Indrapura
- i. Bengkalis
- j. Rengat
- k. Sedanau
- l. Serasan
- m. Selat Panjang
- n. Ranai
- o. Tambelan
- p. Pelalawan
- q. Kuala Kampar, dan
- r. Pekan Baru Lama

(Kailani Hassan et al, 1985: 10–11)

Subdialek Melayu Riau Daratan mengandungi tiga belas subsubdialek iaitu:

- a. Gunung Sahilan
- b. Linggam
- c. Lengkinang
- d. Kampar
- e. Bagan Siapiapi
- f. Pasir Pengaraian
- g. Kuantan Mudik
- h. Kuantan Tengah
- i. Kuantan Hilir
- j. Peranap
- k. Batu Rujal
- l. Cerenti, dan
- m. Pekanbaru Kota

(Kailani Hassan et al. 1985 : 11)

Antara satu dialek Melayu dengan satu dialek yang lain atau beberapa dialek yang lain terdapat perbezaan dari beberapa sudut. Walaupun padanya terdapat perbezaan-perbezaan tetapi antara dialek-dialek itu terdapat keadaan yang saling memahami. Darjah perbezaan atau sifat saling memahami itu bergantung kepada kedudukan dialek-dialek tersebut. Jikalau dialek-dialek itu masih dekat seperti dialek Johor dengan Singapura, Melaka atau Selangor, maka itu tidak banyak perbezaannya dan mudah berlaku perhubungan dan keadaannya saling memahami. Tetapi jikalau dialek-dialek itu telah terpisah jauh seperti dialek Johor dengan dialek Pattani, atau Brunei, atau Bengkulu, maka perbezaannya akan lebih banyak, dan untuk saling memahami akan mengambil masa yang agak lama sedikit.

Perbezaan antara satu dialek dengan satu dialek yang lain wujud pada beberapa segi, iaitu:

- a. fonetik dan fonologi
- b. morfem dan morfologi
- c. sintaksis atau binaan ayat
- d. kosa kata atau perbendaraan kata,
- e. semantik atau makna, dan
- f. ungkapan

#### FONETIK DAN FONOLOGI

Perbezaan yang paling menonjol antara satu dialek dengan satu dialek yang lain ialah dari segi sebutan atau telornya, iaitu yang melibatkan sistem fonetik dan fonologinya. Sebagai contoh, konsonan akhir /n/ sebelum kesenyapan pada dialek Johor, akan berubah kepada / \* / pada dialek Terengganu, dan seterusnya akan berubah lagi menjadi / \* / pada dialek Kelantan. Contoh kewujudannya terdapat pada kata-kata berikut:

<i>D. Johor</i>	<i>D. Terengganu</i>	<i>D. Kelantan</i>	<i>BM Baku</i>
makan	makang	mak*e	makan
ikan	ikang	ik*e	ikan
rotan	rotang	rot*e	rotan
hutan	utang	ut*e	hutan

Pada kebiasannya dalam satu-satu dialek dibezakan sebutan bagi kata-kata yang berbeza maknanya dan yang berlainan asal-usulnya, tetapi terdapat dialek yang mempunyai sebutan yang sama bagi semua kata tersebut walaupun berbeza maknanya dan asal-usulnya. Perbezaan makna hanya dapat dikesan melalui penggunaan kata dalam ayat.

Contohnya:

<i>D. Johor</i>	<i>D. Kelantan</i>	<i>BM Baku</i>
bayang	bay*e	bayang
bayam	bay*e	bayam
bayan	bay*e	bayan

*Bayang* ialah tempat yang tiada kena sinar kerana terlindung oleh sesuatu benda, *bayam* ialah sejenis tumbuhan (herba) yang dibuat sayur (*Amaranthus spinosus*), sedangkan *bayan* ialah sejenis burung nuri (*Palaeornis longicauda*). Ketiga-tiga perkataan di atas jelas berbeza makna dan asal-usulnya, dan oleh itu dalam dialek Johor dan bahasa Melayu baku, sebutannya dibezakan iaitu mengikut sebutan asal perkataan-perkataan tersebut. Namun tidak demikian yang berlaku dalam dialek Kelantan.

Contoh-contoh perbezaan sebutan yang lain boleh dilihat pada senarai berikut:

<i>Johor</i>	<i>Jambi</i>	<i>Parit</i>	<i>Kedah</i>	<i>Jakarta</i>	<i>BMB</i>
bil*	bilo	bil*e	bila	bil*e	bila
man*	mano	man*e	mana	man*e	mana

Perbezaan-perbezaan di atas bukan sahaja berbeza dari segi sebutan tetapi juga dari segi fonem-fonem yang digunakan oleh sesuatu dialek. Sebagai contoh, dalam dialek Melayu Brunei terdapat tiga fonem vokal dan 18 fonem konsonan, dialek Melayu Langkat ada enam vokal dan 17 konsonan, (Yusmaniar Noor et al. 1985). Dialek Melayu Riau dari subdialek Kuantan mempunyai enam vokal, 16 konsonan dan empat vokal rangkap (Ruswan et al, 1986), dialek Melayu Banjar kuala mempunyai 6 vokal, 19 konsonan dan 3 diftong (Abdul Djebbar Hapip et al. 1981: 18). Dialek Melayu Palembang Sari-Sari mempunyai 20 konsonan dan 6 vokal (P.D. Dunggio et.al 1983: 7), Dialek Melayu Belitung terdapat 19 konsonan dan 6 vokal (Syahrul Napsin et.al 1986: 9) dan seterusnya yang lain-lain. Dari senarai yang diberikan di atas jelas terdapat perbezaan jumlah fonem yang digunakan oleh satu-satu dialek Melayu. Ada dialek yang mempunyai sedikit fonem vokalnya seperti Dialek Melayu Brunei yang mempunyai hanya tiga fonem vokalnya, ada yang sederhana jumlahnya iaitu 6 vokal seperti pada dialek Melayu Banjar Kuala, Dialek Melayu Palembang Sari-Sari, Dialek Melayu Belitung, Dialek Melayu Johor dan lain-lain. Ada juga dialek yang mempunyai banyak vokal seperti dialek Melayu Kelantan iaitu 15 vokal (Abdul Hamid Mahmood 1985). Dari segi konsonan pun begitu juga. Dalam dialek Melayu Riau (Subdialek Kuantan) terdapat 16 konsonan, Dialek Kelantan 20 konsonan, dialek Melayu Belitung 19, Dialek Melayu Johor 20, Bahasa Melayu Baku (BMB) 25, dan seterusnya yang lain-lain.

Dialek-dialek ini ada yang dapat menerima fonem asing iaitu /z/, /f/, / \* / dan /v/ seperti yang terdapat pada bahasa Melayu baku, tetapi ada juga yang tidak. Contohnya beberapa dialek Melayu tidak dapat menerima sebutan *zakat* dan *zaman* melainkan menjadi *jakat* dan *jaman*. Di sini fonem asing /z/ ditukar kepada fonem /j/. Begitu juga kebanyakan dialek Melayu menukarkan fonem asing /f/ kepada /p/. Contohnya *fasal* kepada *pasal*, *fasakh* kepada *pasah*, *fardu* kepada *perlu*, dan *fitrah* kepada *pitrah*. Demikian juga fonem asing / \* / ditukar kepada fonem /s/ seperti *Syarifah* kepada *Saripah*, *syarat* kepada *sarat*, *musykil* kepada *muskil* dan seumpamanya.

Selain daripada perbezaan-perbezaan di atas, dialek-dialek Melayu juga berbeza dari segi penyebutan beberapa suku kata akhir tertutup atau terbuka dan juga diftong. Antara suku-suku kata akhir yang banyak perbezaan sebutannya ialah : -al, -as, -ang, dan -r. Contohnya dalam dialek Johor suku kata akhir -al dikekalkan (sepagaimana dalam BMB) seperti *kapal*, *capal* dan *gatal*, Begitu juga dalam dialek-dialek Riau, Melaka dan Selangor. Tetapi dalam dialek Terengganu dan Kelantan kata-kata tersebut berubah sebutannya kepada *kapa*, *capa* dan *gata* secara satu persatu. Sedangkan pada beberapa dialek yang lain berubah kepada *kapay*, *capay* dan *gatay* seperti pada dialek Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Beberapa dialek di Perak dan Pahang berubah sebutan kata-kata tersebut kepada *kap\**, *cap\** dan *gat\**. Suku kata akhir -as dikekalkan dalam dialek Johor seperti pada perkataan *beras*, *keras*, dan *deras*. Dalam dialek Selangor dan Melaka sebutannya masih sama dan dikekalkan. Tetapi dalam beberapa dialek lain sebutan itu berubah kepada *b \*rah*, *k \*rah* dan *d \*rah* seperti pada dialek Pattani dan Kelantan. Ada juga dialek yang mengubahnya kepada - \*h : *b \*ras* kepada *bor\*h* dan *k\*ras* kepada *kor\*h* sebagaimana yang terdapat pada dialek Negeri Sembilan; dan *b\*r\*h* serta *k\*r\*h* pada beberapa dialek Perak.

Suku kata akhir yang ada fonem /r/ sebelum kesenyapan, dalam dialek Johor dihilangkan sebutan fonem /r/ jika tidak ada imbuhan akhiran -an. Contohnya *pasar* berubah kepada *pasa*; dan *besar* berubah kepada *besa*. Tetapi kalau perkataan-perkataan itu ada akhiran -an, fonem /r/ dikekalkan. Contohnya sebutan *pasar* kekal sebagai *pasar*; dan *kebesaran* kekal sebagai *kebesaran*. Dalam dialek Kedah perkataan *pasar* dan *besar* berubah kepada *pasa\** dan *b\*sa\** secara satu persatu. Pada beberapa dialek di Perak dan Pahang sebutan perkataan-perkataan itu berubah kepada *pas\** dan *b\*s\**. Sedangkan bagi dialek Melaka berubah kepada *p\*saw* dan *b\*saw* secara satu persatu.

Bagi diftong /ai/ dikekalkan dalam dialek Johor iaitu sama seperti dalam bahasa Melayu baku. Contohnya pada perkataan-perkataan *gulai* dan *balai*. Tetapi dalam dialek-dialek pantai timur Semenanjung iaitu Pattani, Kelantan dan Terengganu ia berubah kepada -a. *Gulai* menjadi



*gula*. Di Perak serta di Jakarta dan di beberapa Melayu yang lain ia berubah kepada *gul\**.

Diftong /au/ juga mempunyai beberapa kelainan di kalangan dialek-dialek Melayu. Bagi dialek Johor dikekalkan sebutan diftong ini seperti pada perkataan-perkataan *pulau* dan *gurau*. Dalam dialek pantai timur Semenanjung ia berubah kepada -a sahaja seperti *pulau* berubah kepada *pula*, sedangkan dalam beberapa dialek Melayu di Indonesia, bahkan juga terdapat di Perak, ia berubah kepada -\*. Ini bermakna pulau berubah kepada *pul\**.

Daripada contoh-contoh yang diberikan di atas jelas menunjukkan bahawa pada dialek-dialek Melayu terdapat kepelbagaian ragam sebutan bagi beberapa fonem, diftong dan juga suku-suku kata akhir sebelum kesenyapan.

#### MORFEM DAN MORFOLOGI

Penggunaan morfem dan morfologi terdapat perbezaan antara satu dialek dengan satu dialek atau beberapa dialek yang lain. Dalam BMB terdapat morfem-morfem terikat seperti berikut:

<i>Awalan</i>	<i>Sisipan</i>	<i>Akhiran</i>
meN-	-em	-i
PeN-	-el	-kan
ber-	-er-	-an
ter-		
di-		
se-		
ke-		

Contohnya dalam BMB, awalan me+ hilang menjadi *menghilang*. Dalam dialek Belitung menjadi *ngilang* sahaja. Dalam dialek Melayu Riau dari subdialek Kuantan awalan me- berubah menjadi ma-. Contohnya *mamakan* (untuk *memakan* dalam BMB). Dalam dialek Serasan tetap dengan awalan me-. Contohnya *me + bujuk* menjadi *membujuk*. Dalam dialek Kampar menjadi sebaliknya iaitu seperti dalam dialek Riau dari subdialek Kuantan. Contohnya *mandapek* untuk *mendapat*. Dalam dialek Jakarta awalan me- hilang dan diganti dengan sengau N sahaja. Contohnya: N + *tulak* (tolak) menjadi *nulak* (*menolak*). Contoh-contoh lain ialah:

- N + kopi (kopi) menjadi *ngopi* (minum kopi)
- N + sambar (sambar) menjadi *nyambar* (menyambar)
- N + rampas (rampas) menjadi *ngerampas* (merampas)

Bagi dialek Langkat keadaannya sama seperti dialek Jakarta. Contohnya:

N + panggang (panggung) menjadi *manggung* (memanggung).

Bagi awalan-awalan lain keadaannya sama dengan awalan me iaitu terdapat perbezaan-perbezaan antara pelbagai dialek. Sebagai contoh dalam dialek Jambi terdapat tiga bentuk awalan ber-. Contohnya seperti berikut:

ber-	bertinju	(bertinju)
ba-	basalam	(bersalam)
be-	belubang	(berlubang)

Bagi imbuhan sisipan ada yang sama dan ada yang tidak. Contohnya dalam BMB, -er- + *gigi* menjadi *gerigi* tetapi dalam beberapa dialek Melayu ia berubah kepada *garigi*.

Bagi imbuhan akhiran kebanyakan dialek sama sahaja iaitu ada akhiran -an, -kan, -nya dan -i. Namun dalam dialek Jakarta terdapat akhiran -in, seperti pada perkataan *naikin*. Sedangkan dalam dialek Sambas wujud akhiran -i\* untuk akhiran -i. Contohnya *tanam + i* menjadi *tanami\** (tanami) dan dalam dialek Langkat terdapat akhiran ka seperti *diulurka* untuk *diulurkan*.

Bentuk Apitan juga wujud dalam dialek-dialek Melayu iaitu seperti pada pola berikut:

- meN + KD + kan
- meN + KD + i
- peN + KD + an
- ke + KD + an
- berke + KD + an
- di + KD + i
- ter + KD + i
- ber + KD + an
- di + KD + kan
- per + KD + i

Contohnya:

- monghancurkang (menghancurkan) (Makassar)
  - memikekan (memikirkan) (Riau)
- mengalami (mengalami) (Melaka)
- Pebaekan (perbaikan) (Langkat)
- Keitam-itaman (kehitam-hitaman) (Jambi)

- ii. Kaabisan (kehabisan) (Manado)
- e. berkedudukan (berkedudukan) (Johor)
- f. dijumpai (dijumpai) (Selangor)
- g. basalaman (bersalaman) (Riau Daratan)
- h. bejaohan (berjauhan) (Palembang)
- i. diulurka (diulurkan) (Langkat)
- j. perbaiki (perbaiki) (Johor)

#### SINTAKSIS ATAU BINAAN AYAT

Pada umumnya bentuk-bentuk sintaksis dalam dialek-dialek Melayu adalah sama sahaja dengan bentuk-bentuk sintaksis yang ada dalam BMB. Jika terdapat perbezaan maka perbezaan itu sangat kecil dan tidak menyeluruh.

Contoh-contohnya adalah seperti berikut:-

- a. Dialek Johor  
Pencurinya belum ditangkap.  
(Pencurinya belum ditangkap).
- b. Dialek Jakarta  
Kesenangan ay\*e makan rujak.  
(Kesukaan saya makan rojak).
- c. Dialek Bangka  
Ko meli nasi goreng.  
(Saya membeli nasi goreng).
- d. Dialek Belitung  
Die ndak jadi murid yang rajin.  
(Dia ingin menjadi murid yang rajin).
- e. Dialek Ambon  
Dia kasi mandi dia pun ana.  
(Dia memandikan anaknya).
- f. Dialek Riau  
Hai anak muda, awak boleh tolong kita.  
(Hai anak muda, anda boleh tolong saya).
- g. Dialek Langkat  
Sapo nang mbunuh dia sorang pe tiada nang tau.  
(Siapa yang membunuhnya seorang pun tidak ada yang tahu).
- h. Dialek Jambi  
Anjing nyalak ndak ngigit.  
(Anjing menyalak tidak menggigit).
- i. Dialek Manado  
Ayang mo batolor.  
(Ayam mahu bertelur).
- j. Dialek Palembang

Tangkepla macan itu idup-idup.  
(Tangkaplah harimau itu hidup-hidup).

- k. Dialek Deli  
Kau tu baru bangun dah ngopi.  
(Anda baru sahaja bangun sudah minum kopi).
- l. Dialek Sambas  
Laki di\*\* k\*\* utan.  
(Suaminya ke hutan).
- m. Dialek Melayu Bali  
Abangny\* jadi p\*maen rodan.  
(Abangnya menjadi pemain rodan).

Daripada contoh-contoh yang diberikan di atas jelas terdapat persamaan struktur ayat pada semua dialek Melayu, namun pada bahagian-bahagian yang lebih kecil terdapat perbezaan di sana sini.

#### KOSA KATA ATAU PERBENDAHARAAN KATA

Salah satu ciri perbezaan yang utama antara dialek-dialek Melayu ialah perbezaan kosa kata atau perbendaharaan kata. Kadang-kadang jumlahnya menjadi sangat besar, walaupun dalam lingkungan kawasan bahasa yang tidak begitu luas. Dalam kajian Ismail Hussein (1973), terdapat berpuluh-puluh kata untuk kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga yang ada dalam dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia sahaja. Itu belum lagi di daerah-daerah yang terdapat di luar Semenanjung seperti di Sumatera, Kalimantan, Indonesia Timur dan seterusnya di tempat-tempat lain. Di sini dikutip senarai kata gantinama diri orang pertama, kedua dan ketiga yang telah dikumpulkan oleh Ismail Hussein.

- a. i. orang pertama tunggal:  
aku, ako\*, amb\*, say\*, an, t\*man, man,  
kawan, ka\*, kain, k\*n, ka\*h, \*s\*,  
\*d\*n, d\*n, kit\*, awa\*, di, ulong.
- ii. orang pertama jamak:  
kita, s\*pa, kum\*, kami.
- b. i. orang kedua tunggal:  
engkau, \*kaw, kaw, k\*h, awa\*, ao\*, hang.  
kamu, mu, mung, mik\*, d\*m\*, di\*i, ong, aji.
- ii. orang kedua jamak:  
d\*m\*d\*m\*ni, d\*m\*s\*m\*, hampa,  
s\*m\*, kalian, d\*\*ini, kilan, mik\*m\*,

awa\*s\* m\*, h\*\*\*m\*, \*kaws\*muw\*,  
 \*ngkapa, k\*m\*h, k\*m\*, k\*m\*,  
 kain, kamu, muk\*m\*, m\*ngkom\*,  
 mum\*, muha, muhmu\*, muse\*\*m\*,  
 mumi, am\*m\*, hum\*, ajis\*muh\*,  
 gun, g\*\*.

- c. i. orang ketiga tunggal:  
 dia, d\*m\*tu, ny\*.
- ii. orang ketiga jamak:  
 di\*, di\*p\*, d\*pa, di\*s\*m\*,  
 di\*o\*ang, mudi\*, o\*ang \*angtu,  
 o\* angtum\*, dimi, d\*m\*, d\*m\*h, s\*m\*.

Itu belum lagi ganti nama diri dalam bahasa Melayu baku seperti anda, encik, tuan, puan, beliau, mereka dan lain-lain.

Perbezaan perbendaraan kata di kalangan dialek-dialek Melayu adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, memang berbeza kata-kata tersebut sejak dari asal kerana dialek-dialek tersebut terpisah jauh antara satu dengan lain dan mengalami pengalaman sejarah yang berlainan. Contohnya perkataan “hunggah” yang wujud di Kelantan, tidak terdapat di daerah-daerah lain. Di daerah lain digunakan perkataan lari.

Kedua, dialek-dialek tersebut ada yang masih mengekalkan kata-kata Melayu klasik sedangkan dialek-dialek yang lain telah menggunakan kata-kata yang lebih baru. Contohnya di beberapa daerah di Sumatera masih digunakan perkataan pitis (kata Melayu klasik) untuk pengertian duit atau wang. Di Pattani, Kelantan dan Terengganu masih juga digunakan perkataan pith (berasal daripada perkataan pitis juga) sampai ke masa kini. Begitu juga perkataan tenggala (untuk bajak), iktisad (ekonomi), dan lain-lain masih terus digunakan di beberapa tempat di pantai timur. Contohnya Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Terengganu, masih menggunakan perkataan iktisad, sedangkan di negeri-negeri lain sudah menukarkannya kepada ekonomi.

Ketiga, terdapat beberapa dialek Melayu yang meminjam banyak perkataan asing dan menggugurkan kata-kata Melayu jatinya, sedangkan beberapa dialek yang lain lagi masih mengekalkan kata-kata Melayu yang asli. Dialek Melayu Jakarta misalnya mempunyai banyak kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina, Arab, Jawa, Belanda, Sunda dan beberapa bahasa yang lain. Contohnya perkataan lu, gue, gocap (Cina), an\*e, ent\*e, gahwa, sahi (Arab), nyentrik, permisi, polisi (Belanda) dan lain-lain lagi. Dialek Melayu Palembang terutama subdialek Baso Alusnya banyak meminjam perkataan Jawa. Contohnya:

selikur (dua puluh satu),  
 selawi (dua puluh lima),  
 wong (orang)  
 iwak (ikan)  
 tumo (kutu)  
 godong (daun), oyot (akar)  
 buntut (ekor), kuping (telinga)  
 cungr (hidung), sikil (kaki)  
 gulu (leher), ngomong (berkata)  
 banyu (air), asep (asap)  
 abang (merah), yai (datuk)  
 nyai (nenek), lawang (pintu)

Keadaan yang sama berlaku pada dialek-dialek Melayu yang lain. Dialek-dialek itu dipengaruhi atau dimasuki oleh kosa kata dari bahasa-bahasa lain terutama sekali daripada bahasa-bahasa jiran atau bahasa-bahasa penjajah. Umpamanya dialek Melayu Deli-Serdang mempunyai beberapa kata dari bahasa Batak, dialek Melayu Bali dipengaruhi oleh kata-kata bahasa Bali dan Jawa. dialek Melayu Manado diresapi oleh bahasa-bahasa Minahasa, dan lain-lain lagi. Begitu juga dialek Melayu Bengkulu mempunyai beberapa kata Inggeris kerana daerah Bengkulu pernah diduduki oleh Inggeris pada abad kelapan belas dan awal abad kesembilan belas.

#### SEMANTIK ATAU MAKNA

Dalam dialek-dialek Melayu terdapat perbezaan makna pada beberapa banyak kata yang sama (sebutan dan ejaan). Keadaan ini sering mendatangkan kekeliruan. Antara bahasa Melayu Malaysia dengan bahasa Indonesia atau bahasa Melayu Brunei pun wujud perbezaan. Contohnya perkataan "bayi" bagi bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Indonesia bermakna kanak-kanak yang masih sangat kecil, tetapi dalam dialek Melayu Brunei ia bermakna babi. Di bawah ini diberikan beberapa perbezaan makna kata antara bahasa Melayu Malaysia dengan bahasa Indonesia:

- |    |       |   |  |
|----|-------|---|--|
| a. | tewas | : | kalah (Melayu Malaysia)<br>mati (Indonesia)        |
| b. | bisa  | : | racun (Melayu Malaysia)<br>boleh (Indonesia)       |
| c. | asam  | : | sejenis buah (Melayu Malaysia)<br>asid (Indonesia) |
| d. | kapan | : | kain kafan (Melayu Malaysia)<br>bila (Indonesia)   |

- e. abang : adik beradik tua yang lelaki (Melayu Malaysia) merah (Indonesia)

Antara dialek-dialek Melayu terdapat lebih banyak lagi perbezaan maknanya. Contohnya:

- a. semalam : Dalam dialek Johor bererti satu hari sebelumnya atau *yesterday*. Sedangkan dalam dialek lain bererti malam tadi atau malam sebelumnya.
- b. kelmarin : Dalam dialek Johor bererti dua hari yang lalu atau the *day before yesterday*, tetapi dalam dialek Utara, Timur, Sabah, Sarawak dan Indonesia bererti satu hari sebelumnya (*yesterday*). Dengan kata lain kelmarin dalam dialek-dialek tersebut adalah sama makna dengan kata semalam yang digunakan di Johor.
- c. selalu : dalam dialek Johor dan BMB bererti sering, acap, tetapi dalam dialek Kelantan ia bererti terus atau langsung.

#### UNGKAPAN

Ungkapan bermaksud frasa atau rangkaian kata yang mempunyai makna-makna tertentu. Dengan itu perumpamaan, bidalan, pepatah, peribahasa, kiasan, simpulan bahasa dan lain-lain termasuk ke dalam ungkapan. Untuk ungkapan terdapat kepelbagaian ragam yang wujud dalam dialek-dialek Melayu. Di Utara misalnya terkenal dengan ungkapan “pi mai pi mai, tang tu jugak”. Di beberapa tempat di Johor terdapat ungkapan “kulu kilir di situ juga”.

Kedua-dua ungkapan itu walaupun berlainan kata-kata lahiriahnya (pi mai daripada kata *pergi mari* sedangkan *kulu kilir* berasal daripada *ke hulu ke hilir*) tetapi maknanya sama sahaja, iaitu ke sana ke mari.

Antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia juga terdapat beberapa banyak perbezaan. Salah satunya ialah ungkapan-ungkapan seperti di atas ini. Di sini diberikan contoh-contohnya:

<i>Indonesia</i>	<i>Malaysia</i>
akal bulus	akal kancil
akhir pekan	akhir minggu
anak kolong	anak seldadu
anak pejabat	anak orang berpangkat
arus bolak-balik	arus ulang-alik
asuransi jiwa	insurans nyawa

baju dingin	baju sejuk
bakul jamu	penjual makjun
ban mobil	tayar kereta
balik nama	tukar nama
naik banding	rayuan ulang bicara
banting harga	jualan murah
biang kerok	biang keladi
mana bisa	mana boleh

Antara dialek-dialek Melayu lebih banyak lagi perbezaan dari segi ungkapan seperti di atas ini.

### KEPELBAGAIAN DIALEK MELAYU

Setelah kita meneliti dan menerokai segala maklumat tentang kepelbagaian perbezaan ciri-ciri dan bentuk-bentuk yang wujud dalam dialek-dialek Melayu, maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dialek Melayu memang banyak ragam dan jenisnya. Di sini akan dibicarakan penggolongan jenis-jenis dialek Melayu dan daerahnya iaitu dari jenis-jenis dialek Melayu yang ada di daerah induk bahasa Melayu dan juga yang di luarnya. Pembicaraan akan dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu berdasarkan kawasan seperti berikut:

Pertama ialah kawasan Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut kajian Ismail Hussein (1973) di Semenanjung ini terdapat 14 jenis dialek Melayu iaitu:

1. Dialek Melayu Kelantan. Terdapat di negeri Kelantan dan kawasan utara Terengganu hingga ke Kg. Buloh serta kawasan utara Pahang hingga ke Merapoh.
2. Dialek Melayu Pulau Condong. Terdapat di kawasan yang terpencil dan kecil dalam negeri Kelantan iaitu di daerah Pulau Condong.
3. Dialek Melayu Terengganu. Dialek ini wujud di negeri Terengganu iaitu di bahagian tengah dan selatan negeri Terengganu, kemudian terus ke selatan di sepanjang-panjang pesisir pantai yang sempit di negeri Pahang dan Johor hinggalah ke Sedili.
4. Dialek Melayu Pattani. Dialek ini wujud di perdalaman negeri Kedah dan bahagian hulu negeri Perak, serta Negeri Pattani, di Thailand selatan.
5. Dialek Melayu Kedah. Terdapat di bahagian barat Negeri Kedah, Perlis, Seberang Perai, Pulau Pinang dan Perak utara hingga ke Dinding.
6. Dialek Melayu Sungai Perak. Dialek ini wujud di sepanjang Sungai Perak dari Kampong Gajah hingga ke Parit.
7. Dialek Melayu Pulau Sayong. Dialek ini terdapat di satu kawasan yang kecil di Sungai Perak berhampiran Kuala Kangsar.



8. Dialek Melayu Perak Tengah. Sejenis dialek Melayu yang terdapat di daerah Perak Tengah iaitu dari Kuala Kangsar hingga ke selatan negeri Perak.
9. Dialek Melayu Selangor. Dialek ini terdapat di negeri Selangor dan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
10. Dialek Melayu Negeri Sembilan. Dialek ini terdapat di Negeri Sembilan kecuali kawasan bahagian pantai seperti Port Dickson, dan juga di kawasan Alor Gajah, Melaka.
11. Dialek Melayu Melaka. Penutur dialek ini terdapat di Negeri Melaka khususnya di Melaka Tengah dan Selatan.
12. Dialek Melayu Lenga. Penutur dialek ini terdapat di kawasan Lenga, Muar iaitu di bahagian hulu Sungai Muar.
13. Dialek Melayu Johor. Dialek ini pernah dianggap sebagai bahasa Melayu baku. Penutur dialek ini terdapat di negeri Johor, kecuali di kawasan yang mempunyai dialek lain seperti dialek Terengganu yang terdapat di Sedili hingga ke Endau, dialek Pahang di Segamat, dan dialek Lenga di Muar.
14. Dialek Melayu Pahang. Penutur dialek ini terdapat di negeri Pahang terutama di Pahang Tengah, Barat dan Selatan. Di pesisir pantainya dikuasai dialek Terengganu sedangkan yang di utaranya terdapat dialek Kelantan.

Selain dialek-dialek di atas J.T. Collins mengatakan bahawa masih ada dua lagi dialek yang ada di Semenanjung iaitu dialek Ulu Terengganu yang terdapat di Ulu Terengganu dan dialek Melayu Tioman di Pulau Tioman. Di luar Semenanjung Malaysia terdapat dialek Melayu Singapura di Republik Singapura dan dialek Melayu Pattani dan Pulau Adang di Thailand selatan.

Dialek-dialek Melayu yang tersebut di atas masih ada subdialek-subdialeknya lagi. Sebagai contoh dialek Johor mempunyai beberapa subdialek. Ini disebabkan penduduk Melayu Johor terdiri daripada beberapa suku bangsa Melayu. Yang paling besar ialah para pendatang dari Indonesia seperti orang Jawa, Bugis, Banjar, Kampar, Bengkulu, dan juga Orang Asli. Bahasa-bahasa suku pendatang ini sedikit sebanyak mempengaruhi bahasa Melayu Johor. Umpamanya di beberapa kawasan di Batu Pahat dan Muar terdapat pengaruh dialek Melayu Melaka kerana kebanyakan suku Melayu di situ berasal dari Melaka. Sebahagian besar daerah Batu Pahat, Muar dan Pontian diduduki oleh orang-orang Jawa. Di Pontian dan sebahagian daerah Batu Pahat didiami oleh orang Bugis dan Makasar. Di Tanjong Semberong, Batu Pahat, di beberapa kawasan di Muar dan di beberapa kawasan di Mersing terdapat orang-orang Banjar pula. Ini belum lagi orang Kampar, Bengkulu, Aceh, Siak, Jambi dan Palembang yang terdapat di beberapa kawasan di negeri Johor. Bahasa asal suku-suku bangsa Melayu ini mempengaruhi dialek

Melayu Johor iaitu di kawasan-kawasan yang padat diduduki oleh suku-suku tersebut. Di Rengit, Batu Pahat dan di Air Baloi, Pontian pula terdapat satu bentuk bahasa Melayu yang agak aneh daripada yang lain-lain. Bahasa yang dituturkan di sini memang mirip bahasa Melayu. tetapi tekanan suaranya seperti bahasa Orang Laut. Dan memang di kawasan ini iaitu di kawasan pantai barat negeri Johor, banyak terdapat Orang Laut yang bekerja sebagai nelayan. Mereka tinggal di kawasan-kawasan petempatan Orang Asli yang disediakan oleh kerajaan. Sebelum itu mereka tinggal di tepi dan di Kuala sungai. Bahkan banyak di antara mereka yang tinggal dalam rumah sampan. Namun sekarang semua itu sudah menjadi sejarah bagi mereka.

Kedua, Pulau Sumatera. Dialek Melayu di Sumatera banyak jumlahnya, iaitu:

1. Dialek atau Bahasa Melayu Temiang. Dialek ini terdapat di Aceh Timur bersempadan dengan Propinsi Sumatera utara dan pantainya menghadap ke Selat Melaka.
2. Dialek atau bahasa Melayu Langkat. Dialek ini terdapat di Tanjung Pura, Pangkalan Susu, Hinai, Binjai dan Setabat di Kabupaten Langkat, Sumatera Utara. Penuturnya berjumlah 82,000 orang. Pada masa sebelum Perang Dunia Kedua di sini terdiri sebuah kerajaan Melayu iaitu Kesultanan Melayu Langkat.
3. Dialek atau bahasa Melayu Deli. Dialek ini terdapat di Delitua, Labuhan Deli, Medan, Belawan dan sekitarnya iaitu di Kabupaten Deliserdang, Sumatera Utara. Pada zaman silam di sini terdapat kesultanan Melayu Deli.
4. Dialek atau Bahasa Melayu Serdang. Dialek ini terletak di Lubuk Pakam, Galang, Tebing Tinggi, Perbaungan dan sekitarnya di Propinsi Sumatera Utara. Pada masa dahulu di sini terdapat Kesultanan Melayu Serdang.
5. Dialek atau Bahasa Melayu Panai. Dialek ini terdapat di Panai Hilir, Panaitenga dan lain-lain di Kabupaten Labuhanbatu, Sumatera Utara.
6. Dialek atau Bahasa Melayu Riau. Dialek ini terdapat di Propinsi Riau. Ia mempunyai penutur lebih daripada satu juta setengah. Dialek ini terbahagi kepada dua subdialek yang besar iaitu Riau Kepulauan yang mengandungi 18 subsubdialek dan Riau Daratan yang mengandungi 13 subsubdialek. Di daerah ini pernah berdiri kerajaan-kerajaan Melayu, seperti kerajaan Melayu Riau di Pulau Penyengat. Dan kerajaan ini pernah menjadi sebahagian daripada Kerajaan Johor-Riau yang terkenal dalam sejarah Kesultanan Melayu. Di Riau Daratan pula pernah berdiri kerajaan Melayu Siak Sri Inderapura.
7. Dialek atau Bahasa Melayu Jambi. Dialek ini terdapat di Propinsi Jambi iaitu di Kota Jambi, Kabupaten Batanghari, Kabupaten Tanjung

Jabung dan sebahagian Bungo Tebo. Di daerah ini pernah berdiri kerajaan Melayu yang sangat terkenal dalam Sejarah Alam Melayu.

8. Dialek atau Bahasa Melayu Palembang. Dialek ini dituturkan di Kota Palembang dan sekitarnya. Terdapat kira-kira 6 setengah juta penutur bagi dialek ini. Dialek Palembang terbahagi kepada dua subdialek yang besar iaitu Baso Palembang Alus dan Baso Palembang Sari-Sari.

9. Dialek atau Bahasa Melayu Belitung. Dialek ini dituturkan di Pulau Belitung terutama di Tanjung Pandan, Membalung, Manggar dan Gantung.

10. Dialek atau Bahasa Melayu Bangka. Dialek ini dituturkan di Pulau Bangka. Di tempat ini pernah ditemui prasasti berbahasa Melayu yang bertarikh pada abad ketujuh Masihi, iaitu di Kota Kapur. Penutur dialek ini berjumlah lebih daripada 300,000 orang.

11. Dialek atau Bahasa Melayu Bengkulu. Penutur dialek ini terdapat di Bengkulu Kota dan sekitarnya. William Marsden seorang ahli pengkaji bahasa Melayu yang datang dari Barat pada abad ke-18 pernah mempelajari bahasa Melayu ketika beliau tinggal di Bengkulu ini.

12. Dialek atau Bahasa Melayu Asahan. Dialek ini terdapat di Batu-bara, Tanjung Tiram, Kisaran, Tanjung Balai dan sekitarnya.

Selain dialek-dialek di atas masih ada lagi dialek-dialek Melayu di Sumatera. Namun ada pengkaji yang memasukkan dialek-dialek tersebut ke dalam dialek-dialek lain. Dengan kata lain dialek-dialek tersebut adalah subdialek bagi sesuatu dialek atau dialek-dialek yang lain. Umpamanya dialek Melayu Siak, Kuantan dan Inderagiri dimasukkan oleh kebanyakan pengkaji ke dalam dialek Melayu Riau.

Ketiga ialah di kawasan Kalimantan atau Pulau Borneo. Dialek-dialek Melayu di sini terpecah kepada beberapa jenis, iaitu:

1. Dialek atau Bahasa Melayu Brunei. Dialek ini dituturkan di Negara Brunei Darussalam dan daerah-daerah sekitarnya yang terletak dalam pemerintahan Malaysia. Penutur Dialek Brunei berjumlah lebih daripada 300,000 orang. Ia merupakan dialek Melayu yang luas penyebarannya pada suatu masa dahulu iaitu ketika kuasa kerajaan Brunei tersebar sehingga ke daerah Sarawak, Kalimantan Indonesia, Sabah dan Filipina Selatan. Dialek ini mempunyai sejarahnya yang agung kerana didukung oleh kerajaan Melayu Brunei yang telah wujud dari sejak zaman dahulu lagi hingga sekarang.

2. Dialek Melayu Sarawak. Dialek ini terdapat di negeri Sarawak terutama sekali di Bahagian Pertama dan sekitarnya serta pesisir pantai Sarawak. Kira-kira 15 peratus daripada penduduk Sarawak menuturkan dialek ini sehari-hari. Dialek ini mempunyai beberapa subdialek lagi.

3. Dialek atau Bahasa Melayu Sambas. Dialek ini dituturkan di Kabupaten Sambas di Propinsi Kalimantan Barat. Penuturnya berjumlah lebih daripada 600,000 dan tersebar di beberapa kawasan di Kabupaten Sambas. Pada masa dahulu di daerah ini wujud kerajaan Melayu Sambas.
4. Dialek atau Bahasa Melayu Pontianak. Dialek ini dituturkan di Kabupaten Pontianak dan sekitarnya iaitu di Propinsi Kalimantan Barat. Pada masa dahulu di sini terdiri sebuah kerajaan Melayu yang mempunyai raja daripada keturunan Arab.
5. Dialek atau Bahasa Melayu Banjar. Dialek ini dari beberapa segi boleh berdiri sendiri sebagai satu bahasa yang terpisah. Namun hasil karya tulisannya masih dalam bahasa Melayu. Oleh kerana itu kebanyakan pengkaji memasukkan dialek ini ke dalam bahasa Melayu. Dialek Banjar ini terdapat di Kalimantan selatan dan ia terpecah kepada beberapa dialek seperti Banjarmasin, Banjar Kuala, Banjar Hulu, Martapura, Kandangan, Amuntai, dan lain-lain. Pada masa dahulu di sini berdiri Kerajaan Melayu Banjar dan banyak hasil karya tulisan Melayu yang ditulis oleh para ulama'nya seperti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.
6. Dialek atau Bahasa Melayu Berau. Dialek ini dituturkan di Kabupaten Berau, Propinsi Kalimantan Timur. Penduduk di daerah ini berjumlah kira-kira 50,000 orang.
7. Dialek atau Bahasa Melayu Kutai. Dialek ini dituturkan di Kabupaten Kutai di Kalimantan Timur. Di Muara Kaman di bahagian hulu sungai Mahakam. iaitu sungai yang terbesar di Kutai, ditemui prasasti bertulisan Sanskrit bertarikh pada 400 Masihi.
8. Dialek atau Bahasa Bukit. Dialek ini mendekati atau hampir dengan dialek Banjar Hulu dan dituturkan di kawasan perbukitan di Kalimantan Selatan. Namun ada yang mengatakan ia lebih dekat dengan bahasa Dayak Ngaju atau Maanyan. Tidak begitu banyak penuturnya iaitu kira-kira 5,000 orang. J.T. Collins (1990) memasukkan dialek Bukit ke dalam kelompok bahasa Melayu.
9. Dialek atau Bahasa Melayu Kota Waringin. Dialek ini dituturkan di kawasan Kotawaringin iaitu di Propinsi Kalimantan Tengah. Dialek ini lebih dekat dengan dialek Banjar. Selain ini masih ada lagi dialek-dialek Melayu di Kalimantan. namun kebanyakan pengkaji memasukkan dialek-dialek tersebut ke dalam dialek-dialek lain, seperti dialek Sanggau ke dalam Dialek Melayu Sambas, dan lain-lain.

Di luar dari daerah induk bahasa Melayu terdapat dialek-dialek Melayu seperti berikut:

1. Dialek atau Bahasa Melayu Jakarta. Dialek ini dituturkan di Kota Jakarta ibu kota Republik Indonesia. Penutur dialek ini berjumlah lebih

daripada lima juta orang. Oleh sebab ia dituturkan di ibu kota negara yang besar maka pengaruh dialek ini begitu kuat dalam media massa dan juga filem-filem yang dikeluarkan di Jakarta. Dialek Melayu Jakarta terkenal juga dengan nama Dialek Melayu Betawi. Ia terbahagi kepada dua subdialek yang besar iaitu dialek dalam kota dan dialek luar kota atau pinggiran. Subdialek ini mempunyai subsubdialek lagi seperti Mester (di Kampung Melayu, Jatinegara dan sekitarnya), Tanah Abang (di Tanah Abang, Petambunan dan sekitarnya), Karet (di Karet, Senayan, Kuningan, Menteng, dan sekitarnya), dan Kebayoran (di Kebayoran Lama, Pasar Rebo, Bekasi dan sekitarnya).

2. Dialek atau Bahasa Melayu Bali. dialek ini dituturkan di Nagara, Bali. Dialek ini mempunyai beberapa persamaan dengan dialek Melayu Terengganu yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

3. Dialek atau Bahasa Melayu Ambon. Dialek ini dituturkan di Kota Ambon. Bahasa Melayu di sini telah wujud dari sejak zaman perdagangan rempah pada abad kelima belas hingga kelapan belas dahulu.

4. Dialek atau Bahasa Melayu Manado. Dialek ini terdapat di Kota Manado dan sekitarnya iaitu di daerah Minahasa, Sulawesi utara. Dialek ini wujud di sini sejak zaman perdagangan rempah dahulu dan pertembungannya dengan barat terutama Portugis dan Belanda. Pada masa ini dialek ini semakin berkembang dan mempunyai beberapa subdialek seperti Borgo, Mahakeret, Kema, Tanahwangko dan lain-lain.

5. Dialek atau Bahasa Melayu Makassar. Dialek ini wujud di Sulawesi Selatan iaitu di sekitar Kota Makassar atau Ujungpandang. Dialek ini telah lama wujud di sini iaitu dari sejak zaman perdagangan rempah dahulu.

6. Dialek atau Bahasa Melayu Kupang. Dialek ini wujud di Kota Kupang di Timor Barat.

7. Dialek atau Bahasa Melayu Larantuka. Dialek ini mempunyai penutur di Pulau Flores, Nusa Tenggara Timur.

8. Dialek atau Bahasa Melayu Lombok. Dialek ini mempunyai penutur di Pulau Lombok, Nusa Tenggara.

Selain dialek-dialek atau bahasa-bahasa Melayu di atas masih ada lagi dialek-dialek atau bahasa-bahasa Melayu seperti di Banda, Ternate, Irian Jaya, Bacan. Filipina Selatan, Thailand Tengah, Kamboja, Vietnam, Myanmar (100,000 orang), Sri Lanka (50.000), Arab Saudi, dan lain-lain termasuk Pulau Christmas, dan Australia Barat.

#### KESIMPULAN

Daripada huraian yang diberikan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa bahasa Melayu mempunyai dialek-dialeknya yang tersendiri dan

banyak pula jumlahnya. Dialek-dialek tersebut ada pula yang mempunyai subdialek dan subsubdialek lagi. Ia bukan sahaja terdapat dalam daerah induk bahasa Melayu iaitu di Semenanjung Malaysia, Sumatera Timur dan Pesisir Kalimantan, tetapi juga di luar daerah ini. Dialek-dialek ini ada yang dinamai "bahasa" kerana bentuknya yang tersendiri. Namun ia masih saling memahami dengan dialek atau "bahasa" Melayu yang lain. Oleh sebab itu terdapat nama Bahasa Melayu Jakarta, Bahasa Melayu Ambon, Bahasa Melayu Makassar, Bahasa Melayu Manado, Bahasa Melayu Langkat dan seumpamanya. Kekayaan dialek yang dimiliki oleh bahasa Melayu boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Setiap dialek mesti ada keistimewaannya – mungkin dari segi perbendaharaan kata yang tertentu yang boleh memerikan sesuatu konsep dengan lebih jelas dan tepat lagi, mungkin dari struktur ayat yang lebih kemas dan padat, mungkin juga kerana wujudnya sesuatu bentuk bahasa seperti partikel iaitu *definite* dan *indefinite particle* sebagaimana yang ada pada bahasa Melayu Manado dan lain-lain. Oleh hal yang demikian kajian dan penelitian yang mendalam perlu dibuat terhadap dialek-dialek ini. Mungkin kesukaran akan dihadapi dalam melaksanakannya terutama sekali kerana dialek-dialek ini tersebar luas di seluruh Nusantara dan daerah-daerah di luarnya, tetapi kita boleh meminta kerjasama daripada para pengkaji bahasa di universiti-universiti yang berdekatan dengan daerah-daerah tersebut. Mungkin dengan cara begitu perbelanjaan akan dapat dikurangkan dengan banyaknya dan bahan akan dapat dikumpulkan dengan lebih sempurna.

#### RUJUKAN

- Abdul Chaer. 1976. *Kamus Dialek Melayu Jakarta-Bahasa Indonesia*. Nusa Indah Ende.
- Abdul Hamid Mahmood. 1985. Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia. Dalam *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya*. Nik Safiah Karim dan Wan A. Kadir Yusof (ed.) Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Aburaerah Arief et al. 1985. *Kamus Melayu Makassar Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Ahmad Samin Siregar. 1992. Suatu Tinjauan Tentang Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu/Indonesia di Kotamadya Medan dan Sekitarnya. Kertas kerja dalam Bengkel sejarah Bahasa Melayu dari Pelbagai Kota, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan IBKMM, Unversiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 9–14 November.
- Amat Juhari Moain. 1992. Daerah Penutur Asli Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 36(8) : 153–161.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.

- Cense, A. A. & E. Uhlenbeck. 1958. *Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*. 'S-Gravenhage M. Nijhoff.
- Collins, J.T. 1980. *Ambonese Malay and Creolization Theory*. Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. 1986. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J.T. 1990. *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Borneo*. Kuala Lumpur: DBP.
- Dunggio, P.O. et al. 1983. *Struktur Bahasa Melayu Palembang*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Fudiat Surya di Kara et. al. 1975. *Bahasa Kutai*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Hayati Chalil et al. 1985. *Kamus Melayu Deli-Indonesia*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Ida Ahmad. 1969. Fonologi Bahasa Kedah. *Dewan Bahasa*, 13:531-571.
- I Gusti Ngurah Bagus et.al 1985. *Kamus Melayu Bali Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Ismail Hussein. 1973. The Malay Dialects in the Malay Peninsula. *Nusantara* 3: 69 - 79.
- Ismail Hussein 1981. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan kita*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kailani Hassan et al. 1980 *Struktur Bahasa Melayu Riau Dalam Cerita Rakyat*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Karisoah Najoan et al. 1981. *Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Manado*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Lembaga Bahasa Nasional. 1974. *Peta Bahasa-Bahasa Indonesia*. Jakarta: Lembaga Bahasa Nasional Indonesia.
- Madzhi Johari. 1988. *Fonologi Dialek Melayu Kuching* (Sarawak). Kuala Lumpur: DBP.
- Marsden, W. 1812. *A Grammar of the Malayan Language*. London.
- Mecer, A. R. et al. 1983 *Kedudukan dan Fungsi Bahasa Melayu Pontianak*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mustaf Kamal et al. 1984. *Struktur Bahasa Melayu Sambas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Mutsanni Ahmad et al. 1984. *Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Bangka*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Nurzuir Husin et al. 1985. *Struktur Bahasa Melayu Jambi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Ruswan et al. 1986. *Struktur Bahasa Melayu Dialek Kuantan*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Saidat Dahlan et al. 1985. *Pemetaan Bahasa Daerah Riau dan Jambi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Syahrul Napsin et al. 1986. *Morfologi dan Sintaksis Bahasa Melayu Belitung*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Taha Abdul Kadir 1981. Bahasa Melayu Dialek Sarawak: Satu Pengenalan Ringkas. *Dewan Bahasa* 25(7): 56-71.

- Teeuw, A. 1961. *A Critical Survey of Studies in Malay and Bahasa Indonesia*. 'S-Gravenhage.
- Voorhoeve, P. 1955. *Critical Survey of Studies on the Languages of Sumatra*. 'S-Gravenhage – Martinus Nijhoff.
- Yeop Johari Yaakub. 1988. Analisis Fonem Bahasa Melayu Dialek Negeri Sembilan. *Dewan Bahasa* 28 (8): 506–528.
- Yuslina Kassim et al. 1987. *Pemetaan Bahasa Daerah di Sumatera Barat dan Bengkulu*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Yusmaniar Noor et al. 1985. *Struktur Bahasa Melayu Langkat*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

Fakulti Bahasa Moden  
Universiti Pertanian Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor D.E.